

PACUAN empat roda milik pasukan Vincera menggunakan tiga warna utama iaitu putih, merah dan juga biru firus.



Foto AZRUL EDHAM MOHD. AMINUDDIN
TREK berbatu besar antara ujian besar yang terpaksa dilalui kenderaan pacuan empat roda kawalan jauh yang dihasilkan setiap pasukan.

TREK laluan dengan kayu besar pelbagai saiz ini merupakan antara trek laluan paling sukar dalam pertandingan Land Rover 4 x 4 in Schools.

Semangat tak kenal lelah resipi kejayaan pasukan

Pasukan dari SMK King George V, Seremban berjaya menjadi johan pertandingan kenderaan pacuan empat roda kawalan jauh Land Rover 4 x 4 in Schools peringkat kebangsaan dan bakal berentap dalam kejohanan antarabangsa pada April tahun depan.



ZURAINI MOHD. KHALID
DAHI Najwa Insyirah, 16, mula mengalirkan peluh dingin apabila menyedari lampu berasaskan teknologi diod pemancar cahaya (LED) pada kenderaan pacuan empat roda kawalan jauh yang dipertandingkan dalam Land Rover 4 x 4 in Schools itu gagal berfungsi. Jantungnya mula berdegup kencang dan dia cuba untuk bertenang, namun gagal apabila lampu LED itu masih tidak menyala.



NAJWA
Jarum jam ketika itu menunjukkan pukul 2 pagi dan pertandingan itu dijadualkan berlangsung di Axiata Arena, Bukit Jalil, Kuala Lumpur pada pukul 8 pagi 29 September lalu. Masa yang semakin suntuk menjadikan gadis yang lebih mesra disapa sebagai Najwa tidak keruan.
"Saya ada masa beberapa jam untuk membetulkan lampu LED ini. Jika tidak, markah pasukan akan dipotong," ujarnya.
Memegang portfolio sebagai

ketua kumpulan dan juga jurutera elektrik bagi pasukan yang diberi nama Vincera, Najwa kemudian membetulkan beberapa wayar pada kenderaan pacuan empat roda kawalan jauh itu.
Selepas dua jam, dua lampu LED yang terletak di bahagian belakang kenderaan itu kembali menyala, membuatkan Najwa menghela nafas lega.

Saingan sengit
Mengimbu kembali, itu adalah antara detik cemas yang terpaksa dilalui Najwa bersama lima lagi ahli pasukannya yang merupakan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan King George V, Seremban, Negeri Sembilan.

"Kami terpaksa bersenggang mata dan mengorbankan waktu tidur bagi memastikan kenderaan yang dihasilkan berfungsi dengan baik semasa pertandingan," tuturnya.
Usaha mereka ternyata berbaloi apabila muncul juara bagi pertandingan mencipta pacuan empat roda Land Rover kawalan jauh yang diadakan pada 29 September lalu.
Pasukan Vincera seterusnya akan mewakili negara bagi



INI merupakan kali pertama SMK King George V, Seremban menjuarai pertandingan Land Rover 4 x 4 in Schools peringkat kebangsaan yang berlangsung di Axiata Arena, Bukit Jalil 29 September lalu.

kejohanan dunia yang akan diadakan di University of Warwick, Coventry, England pada 12 April tahun depan.
"Sejujurnya, kami tidak menyangka akan muncul juara peringkat kebangsaan kerana pasukan daripada sekolah lain semuanya hebat.
"Pasukan Namruq daripada Sekolah Menengah Agama Johor Bahru, Johor merupakan pesaing kami yang paling sengit. Ini kerana, selain muncul juara bagi pertandingan sama tahun lalu,

kenderaan pacuan empat roda kawalan jauh yang dihasilkan mereka cukup mengagumkan dari segi kelajuan dan kebolehannya melepasi halangan," tutur Najwa panjang lebar.
Tambah gadis itu lagi, cabaran paling sukar dalam pertandingan tersebut adalah melalui kawasan air terjun buatan kerana kenderaan pasukan mereka tersangkut pada trek tersebut.
Ahli pasukan Vincera yang lain ialah Nur Anis Sofea Azman, 16; Goh Yen Theng, 16; Selvi Hong, 16;

Alliqa Azreena Amirudin, 14 dan juga Hareez Dinie Nor Azlan, 14.

Cipta sendiri
Bagi pertandingan Land Rover 4 x 4 in Schools 2018, tiga hingga enam pelajar dikehendaki mencipta kenderaan pacuan empat roda kawalan jauh mengikut spesifikasi ditetapkan. Kenderaan tersebut kemudian diuji melepasi 14 jenis trek buatan antaranya termasuklah hutan, laluan berbatu besar serta jambatan senget.

Memegang portfolio sebagai ketua pasukan Vincera dan juga jurutera elektrik bagi kenderaan pacuan empat roda itu, Najwa berkata, kumpulannya hanya melepasi tujuh daripada 14 halangan yang dipertandingkan.

"Trek laluan yang ada sememangnya agak sukar untuk dilepasi dan kami perlu mengawal dengan baik menggunakan alat kawalan jauh," jelasnya.
Sebelum mula mencipta kenderaan itu, jelas Najwa, mereka terlebih dulu membuat lakaran bagi mendapatkan bayangan kenderaan yang bakal dihasilkan.

AZIZAN



SELVI

Selepas itu, katanya, mereka perlu belajar perisian elektrik bagi memasing wayar dan papan elektrik termasuk enjin pada badan kenderaan serta memastikan ia boleh berfungsi. Tegasnya, selepas badan dan bahagian enjin kenderaan siap, pasukan itu dengan kerjasama Kolej Kemahiran Tinggi Mara, Masjid Tanah, Melaka menghasilkan plastik



PASUKAN Vincera teruja bakal wakil negara di kejohanan Land Rover 4 x 4 in Schools World Final di University of Warwick, Coventry, England April tahun hadapan.

yang digunakan sebagai badan kenderaan yang seterusnya dicat dengan warna tema kumpulan itu. Dalam pada itu, untuk pertandingan itu, teknologi tiga dimensi dan pengkodan tenaganya dibangunkan oleh Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Putra Malaysia (UPM).

Pensyarah Kanan fakulti tersebut yang terlibat secara langsung dalam membantu membangunkan sistem kawalan kenderaan pacuan empat roda Land Rover in Schools, Dr. Azizan As'arry berkata, dia cukup kagum dengan semangat serta kebolehan keenam-enam pelajar terbabit untuk belajar menghasilkan sebuah kenderaan menggunakan alat kawalan jauh.

Peringkat universiti
"Sejujurnya, sistem yang diguna pakai untuk membangunkan kenderaan ini ialah sistem yang dipelajari di peringkat universiti.
"Begitu pun, keenam-enam pelajar sekolah menengah ini diberikan pendedahan lebih awal dan mampu menghasilkan kenderaan pacuan empat roda yang

hebat," jelasnya ketika ditemui kru Panorama baru-baru ini.
Bagi pertandingan itu, sekolah tersebut bekerjasama dengan lima penasihat, kesemuanya merupakan pensyarah fakulti kejuruteraan UPM.
Berkongsi rasa, pemegang portfolio jurutera reka bentuk Vincera, Selvi Hong berkata,



NAJWA (tengah) ketika mengambil hadiah kemenangan pasukannya di Axiata Arena, Kuala Lumpur 29 September lalu.

Pendedahan peringkat awal bantu persediaan pelajar

PENDEDAHAN peringkat awal yang diterima pelajar sekolah menengah dalam teknik dan proses pembuatan sesebuah kenderaan pacuan empat roda kawalan jauh dilihat sebagai satu usaha yang baik bagi menjadikan mereka lebih mahir dalam teknologi pembuatan sesebuah kenderaan.
Pensyarah Kanan Jabatan Kejuruteraan dan Pembuatan, Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Abdul Aziz Hairuddin memberitahu, pendedahan awal itu dalam melaksanakan sesebuah projek

kejuruteraan dilihat sebagai satu usaha yang amat baik bagi perkembangan minda mereka.
"Kesemua pelajar menunjukkan komitmen yang tinggi untuk datang ke UPM dan belajar ilmu-ilmu pengkodan dan juga bagaimana mahu membuat reka bentuk sesebuah kenderaan.
"Pendedahan awal begini ternyata menjadikan graf pembelajaran mereka naik dengan lebih cepat, seterusnya membuatkan mereka lebih

bersedia untuk menyertai sesebuah pertandingan," ujarnya ketika ditemui kru Panorama di Makmal Abdul Aziz yang mempunyai kepakaran dalam bidang enjin pembakaran dalam dan juga model pembakaran menambak, dia cukup kagum dengan kebolehan pelajar-pelajar sekolah menengah itu belajar sesuatu yang baharu, selain mengakui kesemua mereka mampu menyerap ilmu yang diajar dengan pantas.



ABDUL AZIZ

"Ini merupakan tahun keempat UPM bekerjasama dengan sekolah tersebut bagi pertandingan mencipta kenderaan pacuan empat roda kawalan jauh Land Rover 4 x 4.
"Kami teruja dapat membantu pelajar-pelajar ini dalam memberikan ilmu dan kepakaran dalam bidang kejuruteraan dan pembuatan.
"Kami juga bangga apabila pasukan Vincera berpeluang mengharumkan nama negara dan mungkin menawan pentas dunia dalam kejohanan antarabangsa pada tahun hadapan," ujarnya.